

# "Parti komponen BN junjung kontrak, sosial - Najib

KUALALUMPUR 15 Nov. - Parti komponen Barisan Nasional (BN) yang berpegang pada dasar parti tetap menjunjung kontrak sosial seperti yang termaktub dalam perlembagaan dan dasar negara walaupun terdapat individu yang melahirkan kritikan atau mempertikaikan kontrak sosial itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, walaupun individu yang mengkritik itu mungkin merupakan pemimpin utama parti komponen BN, namun mereka masih terikat pada dasar yang dibuat secara kolektif.

"Dia (pemimpin utama) tidak mungkin boleh mengatakan bahawa dia menolak dasar kita sebab dasar itu kita buat secara kolektif dan kita pertahankan sebagai sebuah parti...atas parti Barisan Nasional," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) disini hari ini.

Najib, yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan dasar Presiden UMNO

yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung UMNO di PWTC hari ini yang menyatakan bahawa cubaan mana-mana pihak mempertikai secara berterusan kontrak sosial negara dan mahu merombaknya, akan menjejaskan kestabilan dan keharmonian negara, dan memberi amaran tindakan tegas undang-undang akan diambil terhadap mereka bagi mengelak malapetaka itu.

Najib berkata, pandangan pemimpin utama parti seperti Presiden parti adalah pandangan parti dan oleh itu beliau tidak percaya ada Presiden parti yang akan membuat kenyataan yang menolak dasar atau bercanggah dengan dasar dan keputusan kerajaan dan BN.

Ditanya mengenai kemungkinan berlaku kecenderungan parti komponen BN membuat tuntutan-tuntutan kepada BN menggunakan platform parti masing-masing, Najib berkata, setiap parti komponen boleh berbuat demikian, bagaimanapun BN dan kerajaan akan menentukan akan

kerana tidak mahu wujudnya ketegangan ada ia diterima atau sebaliknya.

Beliau berkata, BN tidak mengongkong parti komponen dari membuat tuntutan walaupun kadang-kadang tuntutan itu boleh menyinggung perasaan pihak yang lain.

"Apa-apa parti, dia boleh...wakil bebas bercakap tapi sama ada kehendak dia boleh diterima, ituterpulang pada parti (BN) dan kerajaan," katanya.

Katanya BN boleh menerima tuntutan dari satu atau dua individu kerana ia merupakan proses demokrasi dalam parti BN.

Namun, apa yang sukar diterima ialah jika atas nama parti, mereka menolak sesuatu keputusan dan dasar kerajaan atau parti (BN) yang dibuat secara kolektif, katanya.

Najib berkata, dalam menangani pentadbiran yang berbilang kaum dan sebagainya, ada batas-batas tertentu dalam keadaan ingin melihat keterbukaan dan kebebasan yang lebih.

Beliau berkata, Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengingatkan bahawa "mesti ada batas, ada had"

kerana tidak mahu wujudnya ketegangan kaum atau keadaan yang tidak tenteram dalam negara.

Najib juga menyifatkan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO hari ini sebagai sangat kena pada masanya dan pendekatan yang dipilih dengan menyentuh 12 gagasan itu adalah ikhlas dan terus terang.

Katanya, ucapan dasar itu membolehkan rakyat melihat kembali janji Abdullah semasa beliau mengambil alih tampuk Perdana Menteri.

"Ini manifestasi, kesungguhan beliau menterjemahkan gagasan dalam bentuk tindakan sehingga tindakan membawa pada hasil diharapkan," katanya.

Ditanya apa harapan beliau terhadap para pembahas, Najib berkata, beliau yakin dengan kemampuan anggota parti untuk memberikan pandangan yang konstruktif untuk memberi maklum balas bagi penambahbaikan kepada keputusan dan dasar kerajaan.